

# **SIJIL SIMPANAN PREMIUM BANK SIMPANAN NASIONAL: SATU ANALISA MENURUT HUKUM SYARAK**

HARON BIN HAJI AWANG  
Universiti Teknologi Mara

## **PENGENALAN**

Dalam rangka mempelbagaikan produk, institusi kewangan konvensional dalam kreativiti mereka menyediakan antara lain; produk sijil simpanan yang menawarkan hadiah-hadiah tertentu kepada pemilik-pemilik sijil yang bertuah setelah diadakan undian atau cabutan bertuah. Meskipun produk sebegini bukanlah amalan judi yang dilarang kerana tidak melibatkan wang pertaruhan atau risiko hilangnya wang simpanan, namun apa yang sebenarnya berlaku ialah pendekatan baru dalam mengagihkan riba. Jika dalam pendekatan lama, riba diberi kepada setiap penyimpan akaun simpanan atau simpanan tetap, maka pendekatan baru mengagihkan ribadengan menukarkannya dalam bentuk hadiah menarik, yang meliputi kereta mewah hinggalah kepada pelbagai alat-alat kelengkapan atau keperluan rumah. Sijil simpanan sebegini adakalanya turut diberi dividen atau keuntungan, namun ianya masih berbau riba kerana sumbangan simpanan penyimpan tidak bertitktolak dari kontrak pelabur seperti mudarabah dan musyarakah, apatah lagi kedudukan simpanan itu dijamin oleh pihak tertentu, yang jelas menunjukkan simpanan sedemikian bukanlah pelaburan dalam erti kata yang sebenarnya.

## **LATARBELAKANG DAN KAEDAH OPERASI SIJIL SIMPANAN PREMIUM**

Sijil Simpanan Premium telah dilancarkan pada 1 Januari 1978. Ia merupakan sijil bernombor yang dikeluarkan oleh Bank Simpanan Nasional bagi sesuatu akaun deposit yang tidak akan dibayar bunga (faedah) tetapi yang boleh atau tidak boleh menyertai cabutan berkala yang diadakan oleh bank bagi mengawal pembayaran bonus dengan wang tunai atau selainnya. Skim ini dilaksanakan berdasarkan kaedah (31) Akta Bank Simpanan Nasional sebagai satu cara, bagi menarik orang ramai menyimpan di samping berpeluang untuk memenangi hadiah-hadiah lumayan. Mengikut Buletin Perangkaan Bank Negara Malaysia (2003), jumlah nilai kutipan Sijil Simpanan Premium sehingga Februari 2003 telah mencapai RM826 juta.

## **SYARAT PEMBELIAN**

Sijil Simpanan Premium boleh dibeli di mana-mana cawangan Bank Simpanan Nasional dan sijil-sijil dikeluarkan dengan serta merta. Individu yang berumur dua belas tahun ke atas layak untuk membeli. Pembelian

minimum ialah satu unit bernilai RM10.00 dan tidak ada had pembelian maksimum. Setiap unit didaftarkan di bawah nama pemegang dan tidak boleh dipindahmilik. Organisasi dan badan korporat juga boleh membeli sijil ini sebagai bayaran bobus, anugerah khidmat cemerlang dan insentif untuk kakitangan.

#### BENTUK HADIAH

Skim ini telah menawarkan 1,300 hadiah bernilai RM11 juta setahun (BSN 2003). Terdapat empat kategori cabutan iaitu:-

1. Dua belas cabutan premium masing-masing menawarkan hadiah pertama sebuah kereta jenis Mercedes Benz C200K(A) untuk Januari dan BMW 325 untuk Februari. Hadiah kedua kereta jenis proton perdana V6(A), hadiah ketiga Proton Waja 1.6(A), 25 hadiah keempat berupa Komputer Multimedia Peribadi setiap satu, 100 hadiah kelima berupa Sijil Simpanan Premium bernilai RM320.00 setiap satu dan 1000 hadiah keenam berupa Sijil Simpanan Premium bernilai RM100.00 setiap satu.
2. Dua cabutan Premium Ekstra untuk bulan Jun dan Disember yang menawarkan hadiah pertama berupa kereta jenis Mercedes Benz S280(A), hadiah kedua berupa kereta jenis BMW 328, hadiah ketiga berupa kereta jenis TD 2000, hadiah keempat berupa kereta jenis Volvo V40 dan hadiah kelima berupa kereta jenis Honda CRV.
3. Dua cabutan kenagan budi menawarkan hadiah pertama, berupa kereta jenis Mitsubishi L200 Storm, hadiah kedua berupa kereta Proton Arena 1.5(A), hadiah ketiga berupa dua puluh lima sijil Simpanan Premium bernilai RM1000.00 setiap satu, hadiah keempat berupa lima ratus lima puluh Sijil Simpanan Premium bernilai RM200.00 setiap satu dan hadiah kelima berupa lima ratus Sijil Simpanan Premium bernilai RM100.00 setiap satu.

#### CARA CABUTAN DIJALANKAN

Cara hadiah bagi Sijil Simpanan Premium ini dijalankan dengan menggunakan komputer. Dua faktor utama digunakan untuk menggerakkan komputer iaitu:

1. Cabutan secara rambang lima belas digit nombor yang dipanggil 'seed'.
2. Bilangan unit yang layak untuk cabutan dan "draw program".

Setelah kedua-dua faktor ditentukan ia akan dimasukkan ke dalam komputer untuk menggerakkan cabutan seterusnya bagi mendapat nombor-nombor sijil yang berjaya dalam setiap cabutan. Bagi maksud

untuk mengesahkan kedua-dua faktor ini satu jawatankuasa bebas dibentuk untuk memeriksa proses cabutan. Jawatankuasa ini terdiri daripada beberapa orang ikhtisas daripada Aktuari Kerajaan, Audit Negara dan Kementerian Kewangan. Pemegang Sijil dan orang ramai dijemput hadir untuk menyaksikan proses cabutan sijil tersebut.

#### SIJIL YANG MENANG

Pemegang Sijil yang berjaya akan dihubungi melalui pos. Keputusan setiap cabutan disiarkan dalam akhbar-akhbar utama tempatan dan laman web Bank Simpanan Nasional.

#### PENEBUSAN SIJIL

Sijil boleh ditebus di mana-mana Bank Simpanan Nasional selepas empat puluh lima hari sijil hari dibeli. Sijil yang tidak ditebus boleh terus menyertai cabutan seterusnya.

#### KEDUDUKAN SIJIL BAGI PEMEGANG YANG MENINGGAL DUNIA

Bagi pemegang sijil yang meninggal dunia, sijilnya tetap layak menyertai semua cabutan untuk tempoh dua belas bulan selepas kematiannya. Selepas tempoh itu, sijil tersebut tidak lagi layak menyertai cabutan seterusnya. Tuntutan yang dibuat oleh warisnya akan dikendalikan mengikut undang-undang Malaysia dalam pembahagian pusaka si mati.

#### PEMBAYARAN DIVIDEN

Bagi sijil-sijil dengan jumlah minimum lima puluh unit atau RM500.00 atau gandaan RM100.00 bagi tempoh pegangan minimum tiga bulan pada 31 Disember setiap tahun adalah layak untuk menerima dividen pada akhir tahun. Walau bagaimana pun keputusan pembayaran dividen ditentukan oleh pihak bank.

#### BEBERAPA PENDAPAT MENGENAI HUKUM SIJIL SIMPANAN PREMIUM

Pandangan awal mengenai hukum Sijil Simpanan Premium adalah harus seperti yang telah dilakukan oleh bekas Mufti Johor, Allahyarham Dato' Syed Alwi bin Abdullah Al-Hadad. Pendapat beliau sebagai jawapan kepada pertanyaan orang ramai yang musykil tentang sijil tersebut dari sudut hukum syara'. Beliau berpendapat bahawa yang dikatakan perjudian itu ialah bila mana kita mempertaruhkan sesuatu dengan harapan untuk mendapat sesuatu kemudian yang diharapkan itu tidak dapat dan yang dipertaruhkan pula lesap, maka konsep ini dinamakan judi. Berlainan dengan Sijil Simpanan Premium, sama ada dapat atau tidak, yang dipertaruhkan itu tidak hilang.

Susulan daripada itu juga pihak Bank Simpanan Nasional telah meminta pandangan Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri (kini JAKIM) tentang kedudukan Sijil Simpanan Nasional dari sudut syara'. JAKIM dalam pertimbangannya mengambil kira adakah wujud unsur negatif yang menghalang dari sahnya sijil tersebut atau ada unsur perjudian dalam kontrak berkenaan.

Setelah diteliti, didapati bahawa Sijil Simpanan Premium bukanlah berbentuk pertaruhan yang mana pembeli boleh mendapat kembali nilai asal yang sama semasa dibeli pada awal dahulu. Di samping itu juga sijil tersebut tidak dibayar bunga. JAKIM memutuskan bahawa Sijil Simpanan Premium dan hadiah bonus daripadanya tidak termasuk dalam perkara yang diharamkan oleh syara'. Kedua-dua pandangan ini menilai kesahan sijil tersebut hanya dari pertimbangan sama ada wujud atau tidak unsur-unsur judi tanpa melihat elemen-elemen lain yang boleh menjejaskan kesahan sijil tersebut.

#### STATUS BANK SIMPANAN NASIONAL

BSN merupakan satu-satunya institusi kewangan yang dibenarkan oleh kerajaan bagi menawarkan produk Sijil Simpanan Premium yang menyediakan hadiah-hadiah kepada pemegang-pemegang sijil yang berjaya dalam siri-siri cabutan bertuahannya. Atas sifatnya sebagai sebuah bank, ia merupakan institusi yang berurusan dengan wang.

Secara umumnya, boleh dikatakan bank menerima wang lebih daripada masyarakat yang tidak menggunakannya bagi maksud-maksud atau tujuan-tujuan yang produktif (Dewett 1978:449).

Adalah mudah untuk memahami kenapa wang yang dilaburkan dalam sesuatu perniagaan atau perusahaan patut berkembang, tetapi mungkin agak sukar bagi kita untuk melihat bagaimana wang berkembang dalam sesebuah bank dan kenapa bank membayar faedah atau 'interest' kepada penyimpan-penyimpannya. Sebenarnya bank bukanlah membuat atau menjual sebarang barangan. Walaubagaimanapun bank menjual suatu komoditi yang cukup penting yakni ia mencipta 'kredit' dan menjualnya. Oleh sebab inilah bank biasanya dikenali sebagai 'kilang kredit' (Dewett & Varma 1977.382).

Bank merupakan institusi kewangan yang menjadi orang tengah antara 'yang memberi pinjam' dan 'yang berhutang'. Sebagai 'financial

intermediaries', bank meminjam dana-dana dari satu kumpulan agen ekonomi iaitu orang ramai atau firma dan memberi pinjam kepada agen-agen ekonomi yang lain (Ruffin & Gregory 1983:131).

Oleh hal yang demikian, untuk mengaut keuntungan sesebuah bank mesti memberi pinjam dana-dana hanya kepada mereka yang menawar pulangan terbaik kepada dana-dana pelaburan bank. Bank-bank perdagangan membuat keuntungan dengan meminjam daripada pelanggan-pelanggan dalam bentuk simpanan tabung, simpanan semasa dan simpanan tetap dan kemudiannya meminjamkan semula dana-dana ini dalam bentuk pinjaman peribadi atau pinjaman untuk perniagaan termasuk pelbagai jenis perusahaan atau pertanian. Bank perdagangan mendapat keuntungan dengan meminjam wang pada kadar faedah yang rendah dan meminjamkannya kembali kepada pihak lain dengan mengenakan kadar bunga yang lebih tinggi (Ruffin & Gregory 1983:132).;